

Rujukan Kami (Our Ref): UMP.03.01/10.12/3 (21)
Tarikh: 15 Januari 2021

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.
YBhg. Prof. Dato'/ Prof./ Prof. Madya/ Dr./Tuan/ Puan,

**EDARAN SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2021
KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN/PROJEK TAHUN 2021 DI UNIVERSITI
MALAYSIA PAHANG**


Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2021 Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Tahun 2021 Di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan YBhg. Prof. Dato'/ Prof./ Prof. Madya/ Dr./Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINUDIN BIN OTTIMAN)
Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2021

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.

Prof. Dato / Prof. / Prof Madya/ Tuan/ Puan,

KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN/PROJEK TAHUN 2021 DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan tentang kaedah pelaksanaan perolehan kerja bagi tahun 2021 di Universiti Malaysia Pahang.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti kali ke 44 Bil.2/2020 telah meluluskan pemakaian Pekeliling Perbendaharaan PK2.2 Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2020 dan semua pindaan terkini PK2.2 yang dikemaskini dari semasa ke semasa sekaligus dapat mempercepatkan proses perolehan dan meningkatkan aktiviti perniagaan;
- 2.2 Pekeliling Bendahari Bil. 3 Tahun 2020 Kaedah Pelaksanaan Perolehan Kerja Bagi Tahun 2020 memaklumkan had nilai perolehan kerja secara sebutharga adalah daripada nilai yang melebihi RM20,000.00 sehingga RM800,000.00 dan diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Universiti. Tempoh pelaksanaan adalah sehingga 31 Disember 2020.

3.0 KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN/PROJEK TAHUN 2021

- 3.1 Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan PK2.2 Kaedah Pelaksanaan Perolehan/ Projek Kerajaan Tahun 2021 yang berkuatkuasa mulai **1 Januari 2021** terus digunapakai di UMP termasuk pindaannya hendaklah dibaca bersama sehingga **31 Disember 2021**;
- 3.2 Selaras dengan usaha Kerajaan untuk memastikan perolehan dapat dilaksanakan dengan segera di samping membuka lebih banyak peluang perolehan, Universiti dibenarkan untuk mepakej perolehan tahunan kepada pakej yang lebih kecil untuk dilaksanakan secara sebut harga atau undian (bagi perolehan kerja) berbanding tender. Universiti TIDAK dibenarkan untuk mepakejkan perolehan tender/sebut harga kepada pembelian terus atau lantikan terus;
- 3.3 Had nilai perolehan yang dibenarkan untuk dipakejkan adalah bagi perolehan bernilai melebihi RM20 ribu sahaja;
- 3.4 Bagi perolehan kerja, hanya projek di bawah peruntukan bagi tahun 2021 dalam kalangan kontraktor Gred G1 sehingga G4 yang boleh dipakejkan untuk dilaksanakan secara sebut harga atau undian;
- 3.5 Bagi pelaksanaan perolehan kerja, had nilai untuk memutuskan sebut harga oleh Jawatankuasa Sebut Harga adalah daripada melebihi RM20,000 sehingga RM800,000;
- 3.6 Bagi menambah baik kedudukan aliran tunai kontraktor semasa pelaksanaan projek, kutipan bayaran balik bayaran pendahuluan kesemua projek/kontrak kerja dilaksanakan seperti berikut:
 - (i) Potongan bayaran pendahuluan daripada bayaran kemajuan bermula pada tahap 50% kemajuan fizikal;
 - (ii) Potongan bayaran pendahuluan daripada bayaran kemajuan hendaklah diselesaikan pada tahap 85% kemajuan fizikal. Universiti hendaklah menyelaras potongan bayaran pendahuluan bagi kontrak

sedia ada dan menyediakan Perjanjian Tambahan bagi menguatkuasakan syarat ini;

3.7 Kaedah-kaedah dan syarat-syarat lain dalam Pekeliling Bendahari Bil. 3 Tahun 2020 bertarikh 17 Julai 2020 berkenaan Kaedah Pelaksanaan Perolehan Kerja Bagi Tahun 2020 adalah terpakai bagi tahun 2021.

4.0 PERTANYAAN

4.1 Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan kaedah pelaksanaan perolehan kerja bagi tahun 2021 ini hendaklah dikemukakan kepada:

- (i) Unit Perolehan, Bahagian Khidmat Pengurusan Kewangan
Jabatan Bendahari
No Tel : 09-424 5332/5321

- (ii) Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan
Pusat Pembangunan Dan Pengurusan Harta
No Tel : 09-424 6500/6516/6539

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2021 sahaja.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,



ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 15 Januari 2021

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
- Ketua Pustakawan
- Penasihat Undang-Undang